

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS***

JUDUL: PENGAMALAN UNDANG – UNDANG BURUH DALAM INDUSTRI
PEMBINAAN

SESI PENGAJIAN: 2006/2007

Saya NURUL HUDA ZAINUDDIN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/ ~~Sarjana/ Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

2710 PERMATANG SINTOK
13100 PENAGA, SEB.PERAI (U),
PULAU PINANG

EN. BACHAN SINGH

Nama Penyelia

Tarikh: 23 APRIL 2007

Tarikh: 23 APRIL 2007

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - *** Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam”.

Tandatangan :

Nama Penyelia : En. Bachan Singh

Tarikh : 23 APRIL 2007

PENGAMALAN UNDANG – UNDANG BURUH DALAM
IDUSTRI PEMBINAAN

NURUL HUDA ZAINUDDIN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam

Fakulti Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2007

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :

Nama Penulis : NURUL HUDA ZAINUDDIN

Tarikh : 23 APRIL 2007

Especially to my beloved mak and abah.....

I will never ever find any word in this world in expressing my dedication and appreciation for both of you.. thank you so much for your love, attention, advises and of course your sacrifices.....i love you both from the top, middle and bottom of my heart....

For my most understanding siblings, yong na, kak nyah, abang che, sister in law kak liza, I have to say that I am so lucky to have sisters and brother like you guys.... 1 thing that I should highlight here is "thank you for the financial support"... without your help I will never ever manage to go through all these

Not to forget my beautiful and lovely nieces and nephews.....Fatini, Amir, Amzar, Farhani, Batrishia, Iman, Afiq and Fazana.... Mak su loves you guys more than anything in the world.... And always miss your presence in my life.... Really hope that we can spend more time together after this.

For my best friend, MD. Wazir Syafiq..... "thank you for everything dude"!! You are someone who can never be forgotten. For my inspiration, Farizal Razalli, thank you for inspiring me this much....I am so proud to know such a superior person like you.

And to all De' Pikirians, course mates, roommates, cousins and all of my friends thank you for always being with me through my ups and downs.... I will always cherish the moments that we shared together...love all of you very much..

Last but not least, to my special friend....REZA...a special thank for you for encouraging me so hard to strive for the best in life.... It is a great experience to know you...and I really hope that we can meet again one day.....

PENGHARGAAN

Setinggi – tinggi penghargaan saya tujukan kepada En. Bachan Singh, selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberi bimbingan dan dorongan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Pengalaman dan pengetahuan beliau yang banyak terutama dalam bidang ini telah banyak membantu saya sehingga kajian saya ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak syarikat dan para responden yang telah sudi memberikan kerjasama dan berkongsi pengalaman serta maklumat dalam merealisasikan penyelidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara lansung atau tidak lansung dalam menjayakan proses penyelidikan ini. Akhir kata, sekali lagi jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah disebutkan dan juga mungkin telupa saya sebutkan di atas sumbangan yang telah diberikan.

Semoga penyiapan projek ini akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya dalam bidang ini dan seterusnya memberi manfaat kepada kita semua kelak.

ABSTRAK

Buruh merupakan suatu aset yang paling penting dalam industri pembinaan. Para buruh pada ketika ini tidak menyedari hak mereka sebagai pekerja dan juga tidak mengetahui tentang peruntukan undang – undang yang melindungi hak mereka. Terdapat juga segelintir daripada golongan mereka yang takutkan majikan lantas menyebabkan mereka tidak berani mempertahankan hak mereka. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji akta yang termaktub di bawah undang – undang buruh dan peranan akta tersebut dalam menegakkan hak para buruh binaan khususnya. Kajian ini telah dilakukan di tiga buah negeri utama di Malaysia iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Johor Darul Takzim. Pengumpulan data dilakukan melalui boring soal selidik dan temuramah. Data telah dianalisis menggunakan kaedah purata indeks. Daripada kajian yang dilakukan, terdapat tiga akta yang melindungi hak buruh binaan iaitu Akta Kerja 1955, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Tahap pengetahuan buruh tentang undang – undang yang melindungi mereka juga masih rendah. Manakala masalah utama yang dihadapi oleh para buruh ialah mereka perlu bekerja dalam waktu yang panjang.

ABSTRACT

Labour is a very important asset in the construction industry. The workers at times do not realize their rights and also the acts that govern them. Some of the workers are scared of their employers and hence do not request for their rights. This study is to study the acts under the labour law and role in upholding the rights of the workers, the level of understanding of the workers regarding their rights and the main problem faced by the workers. The study is conducted in the state of Penang, Selangor and Johor. Data is collected through questionnaire and interviews. A total of 86 respondents have fully answered the questionnaire. The data is analyzed by using average index. From the study, the acts that govern the workers are The Employment Act 1955, The Workmen's Compensation Act 1952, The Occupational Safety and Health Act 1994. The level of understanding of the workers regarding the labour law is low. The main problem faced by the workers are long hours of work.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	x
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Kenyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Skop Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Carta Aliran Kajian	7

BAB II	KAJIAN LITERATUR	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Akta Kerja 1955	8
2.2.1	Objektif Akta	9
2.2.2	Skop Akta	10
2.2.3	Peraturan Akta	11
2.2.4	Tanggungjawab Majikan	12
2.2.5	Tanggungjawab Pekerja	13
2.2.6	Waktu kerja	14
2.2.7	Jenis – Jenis Cuti	16
2.3	Akta Pampasan Pekerja 1952	20
2.3.1	Objektif Akta	21
2.3.2	Tanggungjawab Melaporkan Kemalangan	21
2.3.3	Skim Pampasan Pekerja Asing	22
2.3.4	Pemakaian	22
2.3.5	Tanggungjawab Majikan Yang Menggaji Pekerja Asing	23
2.4	Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994	25
BAB III	METODOLOGI	30
3.1	Pengenalan	30
3.2	Pengumpulan Data	31
3.2.1	Data Premier	31
3.2.2	Data Sekunder	32
3.3	Analisis Data	33
3.3.1	Kaedah Purata Indeks	33
3.4	Keputusan Jangkaan	35

BAB IV	ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Maklumat Am Projek Dan Responden	38
4.3	Pengetahuan Umum Tentang Undang – Undang Buruh	40
4.4	Masalah Yang Dihadapi Oleh Buruh	47
BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	55
5.1	Pengenalan	55
5.2	Kesimpulan	56
5.2.1	Akta Yang Termaktub dalam Undang- Undang Buruh Dan Peranannya Dalam Menegakkan Hak Pekerja	56
5.2.2	Pengetahuan Pekerja Tentang Undang – Undang Yang Melindungi Hak Mereka	57
5.2.3	Masalah Yang Dihadapi Oleh Pekerja	58
5.3	Cadangan	59
5.4	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	61
	RUJUKAN	62
	LAMPIRAN	63

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta alir kaedah kajian	7
4.1	Carta pai peratus responden mengikut kerakyatan	39
4.2	Carta bar tempoh perkhidmatan responden	39
4.3	Carta lintang pengetahuan umum tentang undang – undang buruh	41
4.4	Carta bar undang – undang yang melindungi hak anda	42
4.5	Carta bar tanggungjawab majikan	42
4.6	Carta bar syarat perkhidmatan	43
4.7	Carta bar slip gaji	43
4.8	Carta bar kesatuan sekerja	44
4.9	Carta bar notis penamatan kerja	44
4.10	Carta bar penggantungan perkhidmatan	45
4.11	Carta bar tanggungjawab anda	45
4.12	Carta bar tuntutan faedah kewangan di JTK	46
4.13	Carta lintang masalah yang dihadapi oleh pekerja	48
4.14	Carta bar kerja melebihi 5 jam tanpa rehat	49
4.15	Carta bar kerja melebihi 12 jam sehari	49
4.16	Carta bar 10 hari cuti pelepasan am setahun	50
4.17	Carta bar sehari cuti setiap minggu	50
4.18	Carta bar bayaran untuk kerja lebih masa	51
4.19	Carta bar pembayaran gaji tepat pada masa	51
4.20	Carta bar keselamatan di tapak bina terjamin	52
4.21	Carta bar peralatan keselamatan yang mencukupi	52
4.22	Carta bar menmdapat pampasan setimpal	53
4.23	Carta bar memotong gaji bagi premium insurans	53
4.24	Carta bar akta mampu manjaga hak anda	54

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jadual kesalahan dan denda	25
4.1	Jadual maklumat am projek	38
4.2	Jadual maklumat am responden	38
4.3	Jadual pengetahuan umum tentang undang – undang buruh	40
4.4	Jadual masalah yang dihadapi oleh pekerja	47

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Gambar di tapak bina	63
B	Borang Soal selidik	65

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Langkah pertama ke arah konvensyen buruh antarabangsa bermula pada abad ke - 19. Robert Owen di England , J.A Blanqui dan Villerme di Perancis serta Ducepetiaux di Belgium telah tersenarai sebagai penerbit idea terhadap peraturan antarabangsa terhadap isu buruh. Bagaimanapun, David Legrand, seorang “industrialist “ dari Alsace meletakkan idea ini ke arah sesuatu yang lebih sistematik mempertajamkan serta mengembangkannya dalam rayuan yang berulang-ulang terhadap kerajaan di negara utama Eropah dari 1840 hingga 1855. (Foenander 2002)

Pada pertengahan abad ke 19 , buat pertama kalinya idea tersebut diambil oleh pertubuhan swasta. Selepas itu, beberapa proposal untuk memperkenalkan perkara mengenai regulasi buruh kebangsaan dibuat di parlimen Perancis dan German. Inisiatif yang pertama datang daripada negara Switzerland di mana cadangan berikutnya dibuat pada 1876 dan 1881 dan dengan nasihat daripada negara Eropah yang lain, Kerajaan Switzerland telah mengesyorkan persidangan berkaitan undang-undang buruh di Bern pada May 1890.

Pada penghujung perang dunia kedua, Persidangan Buruh Antarabangsa diadakan di Philedipia pada May 1944. Maka terbitlah Deklarasi Philedipia memastikan perkara seperti berikut:

- Buruh bukan suatu komoditi.
- Kebebasan berekspresi dalam sesuatu pertubuhan adalah penting .
- Kemiskinan dimana-mana akan memberi bahaya kepada kemewahan dimerata -rata.
- Usaha berterusan harus dijalankan bagi memastikan wakil pekerja dapat merasakan persamaan status terhadap kerajaan, menyertai mereka dalam perbincangan bebas dan keputusan demokrasi dalam memperkenalkan kebajikan pekerja.

Deklarasi tersebut juga telah menetapkan beberapa objektif organisasi buruh kebangsaan seperti berikut:

- Pekerjaan penuh dan peningkatan taraf hidup.
- Kemudahan dalam polisi latihan dalam mendapatkan upah, waktu bekerja dan lain-lain keadaan kerja yang perlu diambil kira.
- Pengiktirafan yang berkesan dalam hak untuk membuat perjanjian kolektif.
- Kerjasama pihak pengurusan dan pekerja untuk kemajuan yang berterusan dalam menghasilkan kecekapan.

- Gabungan pekerja dan majikan dalam persediaan dan pengaplikasian sosial dan ukuran ekonomi, keselamatan sosial untuk memberikan pendapatan asas kepada semua keperluan seperti perlindungan, penjagaan kesihatan yang menyeluruh.

1.2 Kenyataan Masalah

Kebanyakan rakyat Malaysia masih lagi tidak mengetahui hak mereka sebagai pekerja. Tidak seperti di negara-negara maju, mereka sudah tededah dan arif tentang undang-undang yang mampu melindungi mereka daripada ditindas oleh pihak-pihak tertentu seperti majikan dan sebagainya. Pekerja di Malaysia masih lagi tidak berani tampil ke hadapan bagi mempertahankan hak mereka sebagai suatu entiti yang penting dalam sesuatu sektor. Ini mungkin disebabkan oleh ketidak prihatinan mereka sendiri yang sering menganggap tuntutan hak sebagai suatu yang remeh. (Maimunnah Amminuddin,1999)

Bagi golongan pekerja bawahan seperti buruh di tapak pembinaan, mereka sering kali ditindas dan tidak diberikan pembelaan yang sewajarnya. Mereka yang rata – rata merupakan golongan yang kurang berpendidikan juga tidak pasti tentang hak mereka terutamanya yang melibatkan keselamatan mereka ditapak. Majikan pula sering mengambil kesempatan atas kelemahan mereka memahami peranan undang-undang dalam melindungi hak mereka lantas meyebabkan tenaga mereka dieksploitasi tetapi kebajikan mereka diabaikan. (Mangai Balasegaram 2005)

Terdapat beberapa masalah utama yang sering dihadapi oleh buruh di tapak pembinaan. Antaranya ialah isu pembayaran gaji serta upah kerja lebih masa yang tidak dibayar dengan pengiraan yang betul oleh majikan. Selain itu mereka juga berhadapan dengan masalah pemberian cuti yang diberi oleh majikan. Disamping itu,

isu keselamatan di tempat kerja dan pampasan yang seharusnya diterima. Jadi, kajian ini adalah untuk mengkaji hak pekerja dan apakah peruntukan undang – undang yang melindungi hak mereka.

1.3 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah pengaplikasian atau pengamalan undang-undang buruh di negara ini telah dijalankan. Selain itu ia juga untuk memastikan undang-undang yang digubal ini dipraktikkan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan pekerja di Malaysia.

Objektif kajian ini adalah seperti dibawah:

- i. Mengkaji tentang akta yang termaktub dibawah undang-undang buruh dan sejauh mana ia dia dapat berperanan dalam menegakkan hak para pekerja.
- ii. Mengkaji sejauh mana pengetahuan pekerja tentang undang – undang yang melindungi hak mereka.
- iii. Mengenalpasti masalah uatama yang dihadapi oleh pekerja pembinaan

1.4 Skop kajian

Skop kajian ini akan meliputi perkara seperti di bawah:

- a) Kajian dilakukan ke atas pekerja tapak bina di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru bagi mendapatkan keputusan yang lebih menyeluruh.
- b) Kajian dilakukan ke atas pekerja tempatan dan juga pekerja asing untuk melihat sejauh mana hak mereka dijaga dan dipertahankan.
- c) Kajian hanya dilakukan terhadap buruh binaan yang bekerja di tapak kerana mereka lebih terdedah kepada risiko kemalangan.
- d) Kajian ke atas majikan dilakukan untuk syarikat kontraktor binaan sahaja kerana pihak ini terlibat secara langsung dengan buruh ditapak.
- e) Kajian akan memberi penekanan terhadap isu bayaran gaji lebih masa, isu keselamatan dan pampasan, isu waktu bekerja serta cuti yang patut diberikan kepada pekerja serta kebajikan mereka, isu keselamatan dan pampasan yang berhak ke atas mereka.
- f) Hak pekerja akan dikaji melalui 3 akta iaitu Akta Kerja 1955, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Ini kerana ketiga – tiga akta ini meyenituh secara langsung tentang objektif kajian.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada para buruh binaan yang terdiri daripada golongan yang kurang berpendidikan tentang hak dan kepentingan mereka dalam pekerjaan.


Selain itu, kajian ini mungkin dapat memberi maklumat yang lebih jelas tentang tahap keperihatinan kerajaan terhadap kebajikan buruh binaan yang banyak membantu dalam kemajuan negara.

Disamping itu juga, kajian ini diharap dapat mengelakkan penindasan yang kerap berlaku terhadap buruh binaan terutamanya dikalangan warga asing yang dilakukan oleh pihak majikan yang tidak bertanggungjawab.

Antara lain kajian ini juga dapat melihat perbezaan hak antara pekerja asing dan tempatan serta mengkaji sejauh mana pekerja asing juga mampu dilindungi oleh undang – undang di Malaysia.

Kajian ini juga dapat mengenalpasti adakah peruntukan undang – unadang ini sesuai dan benar – benar berjaya melindungi hak dan kepentingan para pekerja di tapak bina pada masa kini.

1.6 Carta Aliran Kaedah Kajian



Rajah 1.1: Carta Aliran Kaedah Kajian